

PHARMANIAGA DERMAPRO CREAM

Clobesatol Propionate (0.05% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *PHARMANIAGA DERMAPRO*
2. Bagaimana *PHARMANIAGA DERMAPRO* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *PHARMANIAGA DERMAPRO*
4. Cara menggunakan *PHARMANIAGA DERMAPRO*
5. Semasa menggunakan *PHARMANIAGA DERMAPRO*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *PHARMANIAGA DERMAPRO*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah Kegunaan *PHARMANIAGA DERMAPRO*

PHARMANIAGA DERMAPRO digunakan untuk rawatan jangka pendek keradangan dan/atau kulit gatal yang bertindak balas terhadap steroid.

Bagaimana *PHARMANIAGA DERMAPRO* Berfungsi

PHARMANIAGA DERMAPRO mengandungi ubat yang dipanggil Clobetasol propionate. Clobetasol propionate tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil steroid kuat yang mempunyai tindakan anti-radang. Ia membantu untuk mengurangkan bengkak dan kerengsaan.

Sebelum menggunakan *PHARMANIAGA DERMAPRO*

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan *PHARMANIAGA DERMAPRO* jika anda alergi/alah kepada Clobetasol Propionate atau bahan-bahan lain dalam produk ini.

Mengandung atau menyusukan anak

Jangan menggunakan *PHARMANIAGA DERMAPRO* jika anda telah hamil, sedang merancang untuk hamil atau mungkin hamil. Clobetasol tidak boleh digunakan pada wanita hamil, dalam jumlah yang banyak, atau untuk tempoh masa yang lama.

Jangan gunakan *PHARMANIAGA DERMAPRO* jika anda sedang menyusukan bayi. Kortikosteroid sistemik terdapat dalam susu ibu dan boleh menyebabkan kesan yang tidak

diingini pada bayi seperti gangguan pertumbuhan bayi. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan sebarang ubat.

-Sebelum menggunakan *PHARMANIAGA DERMAPRO*

Rujuk dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini :

- Jika didapati mana-mana bahagian kulit anda telah dijangkiti
- Jika anda mengalami psoriasis
- Jika anda mengalami kemerahan atau jerawat pada muka
- Jika anda mempunyai bintik-bintik kecil sekeliling mulut

-Jika menggunakan ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan *PHARMANIAGA DERMAPRO*

-Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos biasa untuk dewasa:

Sapu krim secara nipis di bahagian yang terjejas dua atau tiga kali sehari sehingga maksimum 50 g untuk seminggu.

Dos biasa untuk kanak-kanak: Penggunaan tidak disyorkan kepada kanak-kanak sehingga umur 12 tahun.

Rawatan perlu terhad kepada dua minggu berturut-turut dan jumlah dos tidak boleh melebihi 50 g untuk seminggu.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor. Tempoh terapi perlu terhad kepada tempoh singkat.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa menggunakan ubat krim ini, ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa sahaja secara tidak sengaja tertelan ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan *PHARMANIAGA DERMAPRO*

-Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *PHARMANIAGA DERMAPRO*.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Produk Clobetasol tidak boleh digunakan di mata, yang harus dielakkan pada muka, pangkal paha atau ketiak.

Jangan menggunakan sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi *PHARMANIAGA DERMAPRO* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan berhenti menggunakan ubat tanpa berbincang dengan doktor anda atau ahli farmasi terlebih dahulu. Jika tidak, sakit asal dan ketidakselesaian boleh kembali semula. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk sebarang pertanyaan berkenaan dengan penggunaan ubat ini.

Berhenti menggunakan *PHARMANIAGA DERMAPRO* dan beritahu doktor anda secepat mungkin jika:

- Anda mendapati bahawa keadaan kulit anda menjadi lebih teruk atau

PHARMANIAGA DERMAPRO CREAM

Clobesatol Propionate (0.05% w/w)

menjadi bengkak semasa rawatan. Anda mungkin alah kepada PHARMANIAGA DERMAPRO, mempunyai jangkitan atau memerlukan rawatan yang lain.

- Anda mengalami psoriasis, kulit menjadi lepuh dan terdapat nanah di bawah kulit. Apabila digunakan secara topikal, terutamanya kepada kawasan yang besar, atau apabila kulit luka, atau di dalam balutan, kortikosteroid boleh diserap dalam jumlah yang mencukupi untuk menyebabkan kesan pada seluruh badan, yang mengakibatkan penekanan kelenjar adrenal berbalik.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, PHARMANIAGA DERMAPRO boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan apabila menggunakan PHARMANIAGA DERMAPRO:

- Kehilangan kolagen kulit dan penipisan kulit, penyahwarna kulit yang lebih gelap, rasa pedih dan mencucuk, gatal-gatal
- Urat di bawah permukaan kulit anda mungkin menjadi lebih ketara

Kanak-kanak dan remaja mungkin lebih cenderung terhadap penekanan kelenjar adrenal, sindrom *Cushing* (muka bulan, penipisan kulit dengan lebam dan pertumbuhan rambut pada muka), tekanan tinggi dalam tengkorak, dan terencat pertumbuhan. Ini disebabkan oleh nisbah luas permukaan kulit kepada berat badan yang lebih besar yang menghasilkan penyerapan seluruh badan yang lebih banyak.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549 atau laman web npra.moh.gov.my (Public→*Reporting Medicinal Problems / Side Effects (ConSERF) or Vaccine (AEFI)*).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan PHARMANIAGA DERMAPRO

-Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan dibawah suhu 25°C.

Lindungi daripada cahaya. Jangan menggunakan PHARMANIAGA DERMAPRO selepas tarikh tamat tempoh seperti yang dinyatakan pada label.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih dan licin

-Bahan bahan kandungan

- Bahan Aktif
Clobesatol Propionate 0.05% w/w
- Bahan tidak aktif
Cetostearyl Alcohol, Paraffin, Sodium dihydrogen phosphate, Cetomacrogol dan White soft paraffin, chlorocresol.

-Nombor MAL

**PHARMANIAGA DERMAPRO
CREAM 0.05%w/w
MAL19970295AZ**

Manufacturer

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Product Registration Holder

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Date of Revision

29/06/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)150518/00150